

# Ketua audit diminta elak laporan sensasi

9 OCT 2002

Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta ketua audit mengelak daripada membuat laporan isu tertentu semata-mata untuk menimbulkan kehairahan di kalangan orang ramai dan mensensasikannya.

Perdana Menteri menasihatkan mereka membuat laporan audit dengan penuh profesional tanpa dipengaruhi sentimen politik atau kehendak pelangan.

Beliau menegaskan, mereka patut mengambil kira baik buruk mendedahkan sesuatu perkara kepada umum kerana kesannya mungkin memudaratkan kepentingan negara bagi jangka panjang.

"Seseorang ketua audit akan memperoleh maklu-

mat mengenai perkara yang amat sulit malah rahsia pertahanan atau ekonomi negara," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Ketua Audit Negara Komanwel ke-18 di Palace of Golden Horses, Seri Kembangan, dekat sini hari ini.

Kira-kira 100 juruaudit dari 37 negara Komanwel menghadiri sidang tiga hari itu. Persidangan tiga tahun sekali itu bertujuan meningkatkan kerjasama di kalangan ketua-ketua audit negara Komanwel dengan matlamat memajukan pengetahuan dan profesionalisme dalam bidang pengauditan, perakaunan dan kewangan antarabangsa.

Dr Mahathir berkata, tumpuan utama juruaudit adalah kepada kelemahan atau masalah sesuatu

program dan kegiatan kerana orang ramai berhak mengetahui bagaimana dana dibelanjakan.

Katanya, mereka diberi mandat untuk mengaudit pengurusan dana kerajaan tetapi kerajaan pula menentukan bagaimana wang rakyat dibelanjakan dan butiran itu didapati dalam bajet.

"Kerajaan mungkin bijak atau tidak bijak dalam memberi peruntukan. Itu adalah untuk rakyat menepati wakil mereka bagi perdebatan. Juruaudit mesti mengawasi bukan kepada dasar atau peruntukan kerajaan, tetapi pentadbiran sempurna terhadap peruntukan itu dan dana rakyat," katanya.

Bercakap kepada pemberita kemudian, beliau berkata juruaudit harus mementingkan integriti ke-

tika memikul tanggungjawab dan tidak terpengaruh dengan sentimen tertentu ketika melaksanakan tugas.

Mereka tidak seharusnya dijadikan alat oleh se-setengah pihak termasuk media untuk membuktikan sebarang syak semata-mata untuk mensabitkan kesalahan seseorang.

"Sepatutnya juruaudit tidak dipengaruhi dengan sentimen awam atau orang yang diaudit termasuk jabatan kerajaan," katanya.

Dr Mahathir berkata, tidak banyak kes membabitkan kesalahan juruaudit dilaporkan berlaku di jabatan kerajaan di negara ini. Kebanyakan kesalahan, berbentuk prosedur dan boleh ditangani dengan pelbagai cara seperti pegawai terbabit diketepikan dan denda di pering-